



PERATURAN PERMAINAN BADMINTON BEREKU

1. UNDANG – UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF), Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Peraturan Kejuhanan Sukan Staf Antara Jabatan UMPSA (Inter-PTJ).
- 1.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran Inter-PTJ.
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan Peraturan Am Inter-PTJ adalah diikuti.

2. PENDAFTARAN PASUKAN

- 2.1 Kelayakan bermain; Rujuk kepada Peraturan Am Inter-PTJ.
- 2.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar maksimum 3 Bereku (6 orang) Lelaki dan Wanita.

3. PERATURAN PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan adalah secara individu dan kategori yang dipertandingan adalah Bereku Lelaki & Bereku Wanita sahaja.
- 3.2 Pertandingan akan diadakan secara KALAH KELUAR dari pusingan awal hingga pusingan akhir.
- 3.3 Pertandingan ini menggunakan sistem kiraan 30 mata tanpa tambahan mata dari pusingan awal hingga pusingan akhir. Pertukaran gelanggang dilakukan pada kiraan mata ke-15.
- 3.4 Jadual pertandingan akan diadakan secara *Running Schedule*. Jika pasukan tersebut selepas Lima (5) Minit dipanggil dan tidak hadir, lawan yang berada didalam gelanggang akan diberikan kemenangan percuma ("walk over") 30-0.

4. PAKAIAN/ALATAN

- 4.1 Pakaian hendaklah bersesuaian dengan permainan sukan badminton.
- 4.2 Bulu Tangkis akan disediakan oleh pihak penganjur dan akan dikawal penggunaan setiap perlawanan oleh pengadil/penganjur.

5. SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan Am 9.

6. KELEWATAN

Sila rujuk Peraturan Am 11.

7. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan Am 12.

8. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 8.1 Cara Memutuskan Keputusan Peringkat Kumpulan;
 - 8.1.1 Cara memberi mata: Menang - 3 mata, Kalah - 0 mata.
 - 8.1.2 Jika terdapat 2 pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan secara pengiraan 'head to head' antara 2 pasukan tersebut di mana pasukan yang memenangi perlawanan terdahulu antara mereka diberi hak sebagai pemenang.
 - 8.1.3 Jika terdapat 3 atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:
 - 8.1.3.1 Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (perbezaan perlawanan).
 - 8.1.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira pemenang (perbezaan set).
 - 8.1.3.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang.

10. RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Bergu Lelaki	1 (2)	1 (2)	2 (4)
Bergu Wanita	1 (2)	1 (2)	2 (4)
JUMLAH MEDAL	2 (4)	2 (4)	4 (8)

11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Inter-PTJ dan keputusannya adalah Muktamad.